

BUKU “MENJAGA KESIHATAN DENGAN PENGAMBILAN UBAT YANG BETUL” DIRASMIKAN DI PESTA BUKU LABUAN 2025



Labuan, 25 Jun 2025 – Pesta Buku Labuan 2025 terus menyinar dengan pelancaran buku informatif bertajuk “Menjaga Kesihatan dengan Pengambilan Ubat yang Betul”, hasil karya Suriani Oxley, SISC+ Unit Sains Sosial, Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. Buku ini diterbitkan dengan kerjasama Unit Farmasi, Hospital Membidai Labuan dan dilancarkan secara rasmi di Dataran Anggerik, Ujana Kewangan Labuan.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Tuan Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran, Encik Yahya Ahmad Puteh yang menjalankan tugas Pengarah Pendidikan WP Labuan. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan literasi

kesihatan dalam kalangan murid dan masyarakat, khususnya berkaitan amalan pengambilan ubat yang betul demi kesejahteraan jangka panjang.

Buku ini mengandungi lima cerita pendek yang menggariskan kepentingan pengambilan ubat mengikut konsep 5B, iaitu bentuk ubat, bila diambil, berapa banyak, bagaimana cara mengambil, dan berapa lama perlu diambil. Pendekatan penceritaan yang mudah difahami menjadikan buku ini sumber rujukan bermanfaat kepada warga sekolah dan ibu bapa dalam mendidik anak-anak tentang penjagaan kesihatan secara bertanggungjawab.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Pegawai Farmasi dari Hospital Membidai Labuan, Puan Farah Ayuni binti Ghazali dan Encik Heriman bin Mahali, yang turut menyampaikan taklimat ringkas mengenai kempen “Kenali Ubat Anda”.

Turut diraikan ialah Duta Kenali Ubat Anda dari empat buah sekolah:

Hasnan Mohd Saad (SK Pantai)

Suhartini Oxley (SM Sains Labuan)

Noorlihan Abdul Alip (SK Sungai Lada)

Sapri Idris (SMK Ranche-Ranche)

Kehadiran mereka menandakan komitmen sekolah-sekolah di Labuan dalam menyokong usaha memperkukuh kesedaran tentang kepentingan ubat dan kesihatan secara menyeluruh. Pelancaran buku ini bukan sahaja mencerminkan sinergi antara sektor pendidikan dan kesihatan, malah membuka ruang kolaborasi baharu dalam memperkasa pendidikan kesihatan dalam komuniti sekolah.









